

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8242

SOALAN:

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah faktor-faktor yang menyekat peguam untuk bertemu dengan banduan atau anak guamannya (*client*) di penjara dan apakah peruntukan undang-undang atau Akta Parlimen yang memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat atau pihak Penjara untuk melakukan sedemikian, dan
- (b) berapakah jumlah tahanan dan tindakan mahkamah yang diambil berkenaan kegiatan di bawah penguatkuasaan Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG) Bukit Aman di setiap negeri untuk tahun 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, dan sehingga 30 September 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dimaklumkan bahawa Jabatan Penjara tidak menghalang peguam untuk bertemu anak guamnya yang merupakan banduan di penjara bagi tujuan mengendalikan kes di mana anak guamnya terlibat iaitu sepertimana yang dinyatakan oleh Peraturan 101, Peraturan-Peraturan Penjara 2000.**

Bagi memperkemaskan urusan lawatan dan perjumpaan, prosedur penjara menetapkan peguam-peguam berkaitan perlu membuat permohonan awal secara bertulis dengan menyatakan secara jelas tujuan perjumpaan tersebut diperlukan disamping tarikh serta masa perjumpaan diperlukan. Jabatan seterusnya akan membuat semakan dengan mahkamah berkaitan penglibatan peguam, kes serta tarikh perbicaraan yang melibatkan banduan berkenaan. Setelah dipertimbangkan tarikh dan masa yang sesuai perjumpaan antara peguam dan banduan akan ditetapkan. Prosedur ini digunakan bagi membolehkan semua banduan dapat dilawati oleh peguam secara teratur. Manakala peguam yang tidak mengendalikan kes banduan adalah tidak dibenarkan berjumpa banduan.

Walau bagaimanapun, dalam kes tertentu mungkin peguam yang tidak mengendalikan kes di Mahkamah boleh dibenarkan berjumpa dengan banduan di atas urusan lain antaranya seperti urusan pembahagian harta dan urusan penyerahan

kuasa mengendalikan tugas. Dalam kes sebegini juga peguam berkenaan perlu membuat permohonan bertulis kepada Pengarah Penjara.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gengsterisme (STAGG) ditubuhkan pada 7 Disember 2014. Sejak penubuhannya pada tarikh tersebut sehingga 30 September 2015 sejumlah 6,364 tangkapan telah dibuat oleh Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gengsterisme (STAGG) di seluruh negara. Seramai 2,336 orang daripada jumlah tersebut telah didakwa di Mahkamah.**